

SULIT

900/2

STPM 2005

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2006

**PENGAJIAN AM
KERTAS 2**

(ESEI)

(TIGA JAM)

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH NEGERI MELAKA

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAH MALAYSIA
2006**

Arahan kepada calon:

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN
BERBUAT DEMIKIAN.**

Jawab **enam** soalan. Pilih **satu** soalan daripada tiap-tiap bahagian A, B, D, dan E, dan dua soalan dalam Bahagian C.

Gunakan lembaran kertas yang berlainan bagi tiap-tiap bahagian.

Markah untuk tiap-tiap bahagian diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada 9 halaman bercetak

900/2

Bahagian A

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 dengan 300 patah kata.

[25]

1. Wanita bekerja menghadapi pelbagai dilema apabila mereka mendirikan rumahtangga. Oleh itu, langkah-langkah untuk menggalakkan wanita meneruskan kerjayanya harus diusahakan agar negara tidak kehilangan sumber tenaga kerja. Bincangkan.
2. Pembangunan tenaga manusia berasaskan pengetahuan penting dalam usaha memajukan ekonomi negara. Bincangkan.

Bahagian B

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 dengan 300 patah kata.

[25]

3. Isu alam sekitar memang menjadi topik perbincangan di mana-mana sahaja termasuk di meja-meja persidangan antarabangsa. Manusia kini bimbang tentang kemusnahan biodiversiti. Terdapat pelbagai punca yang menyumbang kepada kemusnahan biodiversiti. Bincangkan.

4. Penyakit barah merupakan sejenis penyakit yang menakutkan orang ramai. Sehingga hari ini, masih belum ada ubat yang mujarab bagi menyembuhkan penyakit barah. Amalan hidup manusia yang tidak sihat dikatakan adalah punca utama kepada penghidapan penyakit barah.

Sejauhmanakah anda setuju dengan pernyataan tersebut?

BAHAGIAN: C

Jawab **dua** soalan dalam bahagian ini. Pilih **satu** daripada soalan 5(a) **atau** 5(b) dan **satu** daripada soalan 6(a) **atau** 6(b).

[20]

- 5 (a) “..... sesuatu produk atau dalam terma undang-undangnya dikenali sebagai harta intelek, wajar diberikan perhatian yang serius kerana telah menjadi pemangkin ekonomi negara. Harta intelek meliputi hasil idea, inspirasi minda yang merangkumi penciptaan barangan atau produk, karya seni, sastera, simbol imej, dan apa-apa juga yang digunakan dalam transaksi perdagangan.”

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada “Masa Depan Harta Intelek Negara”, Dewan Masyarakat Jun 2005)

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan harta intelek?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, huraikan langkah-langkah untuk melindungi harta intelek mereka.

ATAU

(b) “.....Dasar Sosial Negara merupakan dasar strategik yang setara dengan dasar utama negara bukan sahaja ditumpukan kepada golongan remaja, tetapi meliputi semua peringkat usia. Dasar ini merupakan suatu pendekatan bercorak proaktif bagi melindungi, memulihkan, dan menjaga masyarakat untuk menangani pelbagai isu sosial yang semakin bertambah.”

(Dipetik dan diubahsuai daripada “Dasar Sosial Negara”, Dewan Masyarakat, Mei 2005)

- (i) Apakah tujuan Dasar Sosial Negara diperkenalkan?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, huraikan usaha-usaha kerajaan untuk menangani pelbagai masalah sosial yang berlaku di negara ini.

1. Pendidikan
2. Pengkualifkasan tenaga kerja
3. Kemahiran 21st Century

6 (a) “Talasemia merupakan penyakit darah yang diperoleh secara keturunan. Talasemia boleh diwarisi oleh seseorang jika ibu dan bapanya mempunyai gen yang terlibat. Seseorang yang menghidap Talasemia tidak boleh menghasilkan hemoglobin yang normal iaitu bahan yang menghasilkan warna merah dalam sel darah merah. Hal ini menyebabkan seseorang itu akan mengalami Anemia serta kelihatan pucat.”

(Dipetik dan diubahsuai “Penyakit Talasemia” Dewan Masyarakat, Julai 2005)

- (i) Apakah masalah utama yang dihadapi oleh penghidap Talasemia?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan. Nyatakan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mengawal penyakit ini?

ATAU

(b) “Bioteknologi telah lama wujud dalam kehidupan seharian manusia dan merupakan bidang sains yang paling aktif dalam tamadun manusia. Bioteknologi merupakan teknik atau proses yang melibatkan penggunaan sains yang berkaitan benda hidup seperti mikro organisme, haiwan atau tumbuhan untuk menghasilkan produk bermanfaat kepada manusia.”

(Petikan diambil dan diubahsuai daripada “Kisah Tapai dan Bioteknologi”, Estidotmy, November 2004.)

- (i) Apakah yang anda faham tentang bioteknologi?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, nyatakan kepentingan bioteknologi kepada sektor pertanian negara.

Bahagian D

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.

[15]

7. Berdasarkan maklumat yang diberikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan bilangan pekerja mengikut sektor yang menerima pampasan kerana terlibat dalam kemalangan semasa bekerja dan gambarkan juga aliran jumlah pampasannya bagi tempoh tersebut.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada seseorang pekerja yang mengalami kecederaan semasa bekerja. Pada tahun 2003, sejumlah 78,637 orang pekerja telah menerima pampasan kerana terlibat dalam kemalangan. Angka ini telah menurun sebanyak 11.15% kepada 68,861 orang pada tahun 2004. Pada tahun 2005 bilangan pekerja yang terlibat dalam kemalangan bekerja telah meningkat sebanyak 12,086 orang.

Pada tahun 2003, sejumlah 24,041 orang pekerja dari sektor pertanian dan perhutanan menerima pampasan kerana mendapat kecederaan semasa bekerja, dengan nilai pampasan RM1.90 juta. Bilangan pekerja yang mendapat kemalangan dan menerima pampasan pada 2004 mengalami kemerosotan hampir separuh kepada 12,860 orang. Namun begitu, pada tahun 2005 bilangan pekerja dalam sektor ini yang terlibat kemalangan semasa bekerja dan mendapat pampasan mengalami peningkatan sebanyak 186 orang. Nilai pampasan yang diterima berjumlah RM 1.97 juta, iaitu melebihi sebanyak RM0.15 juta berbanding dengan tahun 2004.

Pekerja-pekerja dalam sektor perkilangan merupakan golongan yang banyak menerima pampasan. Pada tahun 2003, sejumlah 37,120 orang menerima pampasan kerana terlibat dalam kemalangan semasa bekerja dengan nilai RM2.14 juta iaitu pampasan yang paling tinggi berbanding dengan sektor-sektor yang lain. Jumlah ini didapati mengalami sedikit peningkatan, iaitu sebanyak 779 orang pada tahun berikutnya dengan nilai pampasan RM 2.01 juta. Jumlah pekerja yang mengalami kecederaan semasa bekerja didapati terus meningkat pada tahun 2005 dengan jumlah 42,167 orang dan mendapat pampasan berjumlah RM2.09 juta.

Para pekerja dalam sektor pembinaan juga turut menerima pampasan akibat mengalami kemalangan semasa bekerja. Pada tahun 2003 bilangan pekerja yang mendapat kemalangan dan menerima pampasan berjumlah 3,780 orang dengan nilai pampasan yang diterima ialah RM1.31 juta. Namun pada tahun berikutnya, bilangan yang menerima pampasan ini menurun dengan mendadak kepada 997 orang pekerja sahaja dengan nilai pampasan berjumlah RM1.11 juta. Pada tahun 2005 pula, bilangan pekerja yang menerima pampasan kerana mendapat kemalangan semasa bekerja meningkat semula selingga mencecah kepada 4,904 orang dengan nilai pampasan yang diperolehi sebanyak RM1.13 juta.

Sejumlah 9,901 orang pekerja dari sektor perdagangan yang terlibat dalam kemalangan semasa bekerja menerima pampasan dengan jumlah RM1.62 juta pada tahun 2003. Jumlah pekerja mengalami kemalangan dan mendapat pampasan didapati terus meningkat pada tahun

Bahagian D

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.

[15]

7. Berdasarkan maklumat yang diberikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan bilangan pekerja mengikut sektor yang menerima pampasan kerana terlibat dalam kemalangan semasa bekerja dan gambarkan juga aliran jumlah pampasannya bagi tempoh tersebut.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada seseorang pekerja yang mengalami kecederaan semasa bekerja. Pada tahun 2003, sejumlah 78,637 orang pekerja telah menerima pampasan kerana terlibat dalam kemalangan. Angka ini telah menurun sebanyak 11.15% kepada 68,861 orang pada tahun 2004. Pada tahun 2005 bilangan pekerja yang terlibat dalam kemalangan bekerja telah meningkat sebanyak 12,086 orang.

Pada tahun 2003, sejumlah 24,041 orang pekerja dari sektor pertanian dan perhutanan menerima pampasan kerana mendapat kecederaan semasa bekerja, dengan nilai pampasan RM1.90 juta. Bilangan pekerja yang mendapat kemalangan dan menerima pampasan pada 2004 mengalami kemerosotan hampir separuh kepada 12,860 orang. Namun begitu, pada tahun 2005 bilangan pekerja dalam sektor ini yang terlibat kemalangan semasa bekerja dan mendapat pampasan mengalami peningkatan sebanyak 186 orang. Nilai pampasan yang diterima berjumlah RM 1.97 juta, iaitu melebihi sebanyak RM0.15 juta berbanding dengan tahun 2004.

Pekerja-pekerja dalam sektor perkilangan merupakan golongan yang banyak menerima pampasan. Pada tahun 2003, sejumlah 37,120 orang menerima pampasan kerana terlibat dalam kemalangan semasa bekerja dengan nilai RM2.14 juta iaitu pampasan yang paling tinggi berbanding dengan sektor-sektor yang lain. Jumlah ini didapati mengalami sedikit peningkatan, iaitu sebanyak 779 orang pada tahun berikutnya dengan nilai pampasan RM 2.01 juta. Jumlah pekerja yang mengalami kecederaan semasa bekerja didapati terus meningkat pada tahun 2005 dengan jumlah 42,167 orang dan mendapat pampasan berjumlah RM2.09 juta.

Para pekerja dalam sektor pembinaan juga turut menerima pampasan akibat mengalami kemalangan semasa bekerja. Pada tahun 2003 bilangan pekerja yang mendapat kemalangan dan menerima pampasan berjumlah 3,780 orang dengan nilai pampasan yang diterima ialah RM1.31 juta. Namun pada tahun berikutnya, bilangan yang menerima pampasan ini menurun dengan mendadak kepada 997 orang pekerja sahaja dengan nilai pampasan berjumlah RM1.11 juta. Pada tahun 2005 pula, bilangan pekerja yang menerima pampasan kerana mendapat kemalangan semasa bekerja meningkat semula selingga mencecah kepada 4,904 orang dengan nilai pampasan yang diperolehi sebanyak RM1.13 juta.

Sejumlah 9,901 orang pekerja dari sektor perdagangan yang terlibat dalam kemalangan semasa bekerja menerima pampasan dengan jumlah RM1.62 juta pada tahun 2003. Jumlah pekerja mengalami kemalangan dan mendapat pampasan didapati terus meningkat pada tahun

2004 dan 2005 dengan masing-masing berjumlah 13,002 orang dan 14,906 orang .Sementara itu, jumlah pampasan yang diterima pada tahun 2005 sebanyak RM1.58 juta, iaitu lebih RM0.12juta berbanding dengan tahun 2004. Dalam sektor pengangkutan pula, sejumlah 3795 orang terlibat dalam kemalangan semasa bekerja telah mendapat pampasan bernilai RM0.52juta. Pada tahun 2004, jumlah yang menerima pampasan telah meningkat kepada 4103 orang dengan nilai pampasan berjumlah RM0.44 juta. Seterusnya, nilai pampasan yang diterima oleh pekerja dalam sektor ini bertambah kepada RM0.49 juta sejajar dengan pertambahan bilangan pekerja yang terlibat dalam kemalangan semasa bekerja yan berjumlah 5,924 orang pada tahun 2005.

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada,
Laporan PERKESO, 2006)

8. Berdasarkan maklumat yang diberi dalam petikan di bawah ini, sediakan graf bar yang sesuai untuk menunjukkan jumlah penggunaan tanah pertanian bagi tempoh tahun 2000 hingga tahun 2005.

Sektor pertanian mencatat prestasi yang bercampur-campur dari segi pertumbuhan keluaran. Walaupun sektor pertanian mengalami kadar pertumbuhan yang lebih rendah, pelaksanaan pelbagai strategi dan program telah memperkukuh orientasi pasaran sektor ini.

Secara keseluruhannya, pengukuhan pasaran pertanian telah memberikan manfaat kepada sektor tanaman industri memandangkan penyatuan kebun kecil akan membolehkan faedah ekonomi bidangan dicapai. Penggunaan tanah pertanian pada tahun 2000 seluas 6.097 juta hektar telah meningkat kepada 6.379 juta hektar pada tahun 2003. Strategi mempelbagaikan makanan telah mewujudkan asas yang kukuh bagi membangunkan produk makanan bernilai tinggi termasuk aktiviti hiran. Hal ini menyebabkan penggunaan tanah pertanian dijangka meningkat kepada 6.551 juta hektar pada tahun 2005.

Kawasan tanaman kelapa sawit meningkat pada kadar 3.6% setahun mencapai 3.750 juta hektar pada tahun 2003 berbanding dengan 3.377 juta hektar pada tahun 2000. Bagi memastikan sektor ini berkembang dan membendung kejatuhan harga minyak, kerajaan telah menyediakan pakej rangsangan untuk tujuan menggalakkan klon berhasil tinggi. Kerajaan juga menggalakkan pembukaan tanah baru dan dijangka mencapai 3.950 juta hektar pada tahun 2005.

Pengeluaran getah telah meningkat pada kadar 0.4 peratus setahun walaupun kawasan tanaman getah pula terus berkurangan sebanyak 2.8 peratus setahun antara tahun 2000 hingga tahun 2003 daripada 1.431 juta hektar pada tahun 2000. Sebagai akibatnya pekebun kecil beralih kepada tanaman lain yang menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi. Keluasan tanaman getah berkurangan sebanyak 0.065 juta hektar menjadi 1.250 juta hektar pada tahun 2005.

Pengeluaran padi telah meningkat sedikit pada kadar 0.1 peratus setahun kepada 2.15 juta tan pada tahun 2003. Kawasan yang dituai telah berkurangan daripada 0.699 juta hektar kepada 0.684 juta hektar pada tahun 2003 berikutan daripada keadaan cuaca yang tidak baik dan penukaran penggunaan tanah untuk kegunaan lain. Faktor-faktor di atas telah mendorong kepada pengurangan keluasan tanaman padi dan dijangka penggunaan tanah untuk penanaman padi pada tahun 2005 seluas 0.680 juta hektar.

Bagi memastikan hasil yang lebih tinggi dan meningkatkan pendapatan petani, tumpuan kepada pengeluaran berorientasikan pasaran yang mencukupi dijalankan. Penggunaan tanah pertanian untuk buah-buahan dan sayur-sayuran telah meningkat kepada 0.380 juta hektar pada tahun 2003 berbanding dengan 0.328 juta hektar pada tahun 2000. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah mewujudkan hubungan pertanian secara kontrak antara petani dan peladang dengan pasar raya utama bagi mengukuhkan pasaran ini. Keadaan ini menyebabkan penggunaan tanah untuk buah-buahan dan sayur-sayuran dijangka meningkat kepada 0.419 juta hektar.

Penggunaan tanah pertanian untuk komoditi-komoditi lain telah merosot kepada 0.250 juta hektar pada tahun 2003 berbanding dengan tahun 2000. Peningkatan penggunaan tanah untuk lada hitam telah meningkatkan penggunaan tanah untuk komoditi-komoditi lain kepada 0.252 juta hektar.

(Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005)

Bahagian E

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

[15]

Soalan 9 : Berdasarkan jadual di bawah, jelaskan pola eksport Malaysia mengikut jenis eksport yang utama dari tahun 1990 hingga tahun 2005

EKSPORT UTAMA MALAYSIA, 1990 - 2005


Jenis Eksport	1990		2000		* 2005	
	Peratus	RM juta	Peratus	RM juta	Peratus	RM juta
Barang Pembuatan	21.8	6141.5	41.7	18780.0	52.2	29895.5
Petroleum Mentah	23.8	6704.9	15.3	6890.5	15.1	8647.9
Hasil Petroleum	25.9	7296.5	18.9	8511.8	12.8	7330.7
Kayu Balak	13.2	3718.7	11.3	5089.1	6.6	3779.9
Lain-lain	15.3	4310.3	12.8	5764.6	13.3	7617.0
Jumlah	100.0	28,172	100.0	45,036	100.0	57,271

Nota: *Anggaran

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Laporan
Ekonomi 2005

10. Rajah di bawah menunjukkan kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk mengurangkan masalah pencemaran industri. Berdasarkan kepada carta ini, bincangkan teknik-teknik secara langsung dan secara tidak langsung untuk mengurangkan pencemaran industri.

Teknik-teknik yang Mengurangkan Pencemaran Industri



(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Majalah Era Hijau, Kel. 4/2003)